

03/11/1997

PM puas hati kuorum cukup

Jamhariah Jaafar: Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati kerana kuorum Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G-15) yang bermula di sini esok, mencukupi.

"Memang ada yang tidak dapat datang kerana ada perkara penting lain, tetapi kali ini ia lebih baik lagi," katanya sambil menolak pandangan bahawa negara anggota kurang komited terhadap pertubuhan itu.

Mengenai cadangan Indonesia supaya sidang itu dianjurkan dua tahun sekali, Perdana Menteri mahu perkara itu diteliti oleh pemimpin yang hadir terlebih dahulu.

Dr Mahathir juga ditanya wartawan mengenai kesihatan beliau. "Saya lebih sihat sekarang. Boleh bercakap dengan teratur," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata antara isu yang akan dikemukakan kepada sidang kemuncak itu ialah tarikh yang sesuai untuk menganjurkan mesyuarat berkenaan.

Ketika ini, katanya, sidang itu diadakan pada tempoh tiga bulan terakhir setiap tahun. Tetapi banyak negara anggota yang mempunyai komitmen lain.

Beliau berkata, banyak negara Amerika Selatan dan Afrika mempunyai komitmen terhadap sidang kemuncak serantau lain seperti Sidang Kemuncak Iberia selain menganjurkan pilihan raya pada tempoh yang sama.

"Mungkin, sidang kemuncak akan membincangkan langkah mempercepatkan sidang berkenaan," katanya.

Mengenai kekerapan sidang kemuncak, Abdullah berkata, perkara itu terpulang kepada pemimpin negara yang hadir.

Bagi Malaysia, katanya, ia tidak menimbulkan masalah kerana Perdana Menteri sentiasa hadir dalam semua sidang.

Sementara itu, Senegal menjadi negara terbaru dalam menyokong seruan Malaysia supaya urus niaga mata wang dikawal selia untuk mengelakkan spekulasi yang boleh menjejaskan nilai mata wang.

Menteri Perdagangan, Kraftangan dan Perindustrian Senegal, Idressa Seck, berkata spekulasi mata wang yang menjejaskan Asia Tenggara dan beberapa lagi negara boleh merebak dan menyebabkan masalah kepada negara lain.

"Ketidakstabilan pasaran kewangan boleh merebak ke mana-mana negara," kata beliau yang berada di sini sempena sidang kemuncak G-15.

Pemimpin G-15 dijangka mengeluarkan pernyataan khas mengenai krisis mata wang ekoran satu usul daripada Zimbabwe.

Seck berkata, masyarakat antarabangsa perlu menangani isu itu kerana kestabilan ekonomi banyak bergantung kepada kestabilan pasaran kewangannya.

Beliau berkata, walaupun Senegal belum menghadapi masalah itu negaranya dan masyarakat antarabangsa bimbang dengan ketidakstabilan dalam pasaran kewangan yang boleh merebak.

"Kita memahami sebab negara yang terbabit cuba membawa perkara ini ke perhatian masyarakat antarabangsa," kata beliau.

(END)